



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN**

**KESIAPSIAGAAN NEGARA HADAPI COVID-19
TERUS DIMANTAPKAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus memperkukuhkan kesiapsiagaan pelbagai aspek kesihatan dalam mendepani wabak COVID-19, termasuk meningkatkan kapasiti maksimum makmal COVID19 kepada 54,706 ujian RT-PCR setiap hari.

Pencapaian itu adalah hasil kesepaduan kerjasama semua 61 makmal di bawah KKM, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universiti Awam & Swasta dan makmal swasta.

Sebanyak 13 makmal Universiti Awam (UA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan makmal swasta kini dalam proses menggembeling sumber ke tahap maksimum.

Setakat 14 Oktober 2020, sebanyak 42 peratus kapasiti makmal negara digunakan dan peratusan ini dijangka meningkat untuk menguji lebih banyak sampel, terutama dari zon merah, zon kuning serta aktiviti saringan dan pengesanan aktif kontak rapat oleh KKM.

Di Sabah, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKAKK), makmal di Hospital Queen Elizabeth dan Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kapasiti 2,500 ujian sehari sudah beroperasi. Manakala baki sampel dari keseluruhan Sabah dihantar dengan penerbangan ihsan

Tentera Udara Malaysia (TUDM) ke Semenanjung. Selain itu makmal di Klinik Kesihatan Tawau Kubota sedang dilengkapi supaya dapat menjalankan ujian RT-PCR dan dijangka beroperasi dalam masa terdekat. Di lapangan pula, bagi membantu pengesanan awal kes positif COVID-19 lebih banyak, ujian RTK-Ag telah digunakan.

KKM akan terus mempertingkatkan usaha bersepadu dengan pelbagai pihak untuk menjayakan usaha membendung COVID-19.

Dato Sri Dr Adham bin Baba
Menteri Kesihatan

15 Oktober 2020